

# BULETIN ICT


NEGERI MELAKA

EDISI BULAN JUN 2014

## SISTEM PENGURUSAN KANDUNGAN

(Content Management System)

### TOKOH



**Matt  
Mullenweg**

Pengasas Bersama  
CMS Popular WordPress

### FOKUS

- ⇒ Apakah Itu CMS?
- ⇒ Kenali CMS Yang Popular
- ⇒ Sumber Terbuka/Proprietari
- ⇒ Plone: CMS Terbaik (Sekuriti)

### INFORMASI

- ⇒ Power Bank Baru Xiaomi
- ⇒ Harga iPod Touch Terbaru
- ⇒ Chrome 64-bit Untuk Windows
- ⇒ Twitter: MUTE

JUN 2014

Penerbitan:



Sektor K-Ekonomi  
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi  
Jabatan Ketua Menteri Melaka



# BULETIN ICT

Y.A.B DATUK SERI Ir. HJ. IDRIS BIN HJ. HARON

(D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., B.K.C.)

KETUA MENTERI MELAKA

ingin mengucapkan  
kepada semua rakyat Negeri Melaka terutamanya pembaca Buletin ICT Negeri Melaka

*"Selamat Menyambut Bulan Ramadhan"*  
1435H / 2014

 Idris Haron  [twitter.com/idrisharon66](http://twitter.com/idrisharon66)



" Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu bertaqwa. "

(Surah Al-Baqarah:183)



## Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Sistem pengurusan kandungan atau lebih dikenali dengan *content management system* (CMS) merupakan skrip komputer yang membolehkan penerbitan, penyuntingan dan mengubah suai kandungan, menyusun, memotong serta penyelenggaraan melalui antara muka berpusat yang mudah.

Pengguna tidak perlu mempelajari sebarang bahasa pengaturcaraan komputer untuk membina halaman web, sebaliknya boleh menggunakan CMS ini secara *What You See Is What You Get* (WYSIWYG), sama ada untuk menaip bahan kandungan, memperkayakan halaman dengan gambar, video, audio dan sebagainya.

Sistem pengurusan kandungan ini turut menyediakan prosedur untuk menguruskan kandungan secara aliran kerja dalam persekitaran secara kolaboratif. Prosedur ini boleh dilaksanakan secara manual ataupun lata automatik.

CMS telah diperkenalkan sejak akhir 1990an, dan kini telah menjadi satu kemestian kepada pemilik-pemilik laman se-sawang atau portal, disebabkan fungsi-fungsi dan kemudahan yang disediakan, berbanding kaedah manual yang rumit sebelum ini, yang hanya boleh dicipta oleh individu berpengetahuan dalam pengaturcaraan web.

CMS kini begitu popular digunakan oleh laman web berupa blog, berita, dan portal membeli-belah. Malah kebanyakkan laman web dan portal korporat serta agensi pemasaran turut menggunakan CMS ini bagi menguruskan kandungan halaman mereka. Antara jenama CMS yang popular ialah Joomla!, Drupal, Plone, LifeRay, SharePoint, PHP-Nuke, MODX dan sebagainya. Kesemua CMS ini mempunyai kelebihan mereka masing-masing, antaranya ia boleh diukur dari segi mudah guna, kebolehubhsuaian, kompleksiti alir kerja, dan keselamatan. Sungguhpun demikian, versi skrip-skrip ini perlu dipantau, dikemaskini dan dipertingkat dari semasa ke semasa untuk menutup sebarang kelemahan yang ditemui, bagi mengelakkan halaman berkenaan digodam.

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen  
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

## ISTIKANDUNGAN

### FOKUS

Kenali Sistem Pengurusan Kandungan	4-5
5 Sistem Pengurusan Kandungan Popular	6-7
Perbandingan CMS Popular	8
Plone: CMS Terbaik Dalam Aspek Sekuriti	9
CMS: Sumber Terbuka VS Proprietari	9

### KERAJAAN

Statistik SKMM Melaka Suku 1, 2014	10
------------------------------------	----

### TOKOH

Matt Mullenweg: Pengasas WordPress	11
------------------------------------	----

### INFORMASI

Xiaomi Perkenal Power Bank Baru	12
Harga iPod Touch Dikemaskini	12
Google Perkenal Chrome Versi 64-bit	12
Fungsi 'MUTE' di Twitter	13

### PROGRAM

Senarai Program/Kursus ICT Jun 2014	14
Gambar Pelaksanaan Program ICT	15

Penaung  
Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron  
Ketua Menteri Melaka

Penasihat  
YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua Editor  
Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan  
Suhaibuddeen  
Ketua ICT Negeri Melaka

Editor  
Muaz bin Ghazali

Penerbit & Percetakan  
Sektor K-Ekonomi,  
Bahagian Teknologi Maklumat  
dan Komunikasi,  
Inkubator K-Ekonomi, Jln. Business City,  
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka.

No.Tel : 06-2324425/4436  
No.Faks : 06-2331460  
Emel : [bulletin@emelaka.gov.my](mailto:bulletin@emelaka.gov.my)  
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiaran, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Sektor K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang ditulis selagi tidak mengubah isinya. Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandiran Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.

# Kenali SISTEM PENGURUSAN KANDUNGAN (CMS)

## PENGENALAN

Sistem Pengurusan Kandungan (*Content Management System*) atau lebih dikenali dengan singkatan CMS adalah satu aplikasi komputer yang membolehkan pengguna menghasilkan kandungan dan mempersebaharikan kandungan yang dihasilkan dengan mudah di laman sesawang. CMS juga membolehkan pengguna yang bukan teknikal terutamanya dalam bidang pengaturcaraan menjadi cekap membina laman sesawang yang kaya dengan kandungan.

## JENIS

### Web CMS

Perisian yang membolehkan pengguna yang mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa pengaturcaraan web untuk menghasilkan dan menguruskan kandungan laman sesawang dengan mudah



### Sumber Terbuka

Sistem Pengurusan Kandungan bersumber terbuka adalah jenis CMS yang percuma untuk digunakan oleh pengguna. Kod sumbernya tersedia kepada pengguna untuk diubahsuai

### Component CMS

Component CMS adalah berupa modul di dalam sebuah sistem yang menyimpan dan menguruskan kandungan di peringkat komponen dan bukannya di peringkat dokumen induk supaya kandungan dapat digunakan semula dengan lebih baik

### Enterprise CMS


Strategi, kaedah dan alat yang digunakan untuk mengurus, menyimpan dan menyampaikan kandungan dan dokumen yang berkaitan dengan proses organisasi



## INDUSTRI YANG GUNA CMS




## SEJARAH




## STATISTIK

Sumber: w3techs.com, data sehingga 1 Jun 2014

### PEGANGAN PASARAN



### PERATUS PENGGUNAAN



# CMS POPULAR

5 SISTEM PENGURUSAN KANDUNGAN YANG POPULAR DI KALANGAN PENGGUNA

WordPress

Joomla!

Drupal

Magento

TYPO3

## WordPress



Versi Terkini  
3.9.1

WordPress pada asalnya bukan dikategorikan sebagai sistem pengurusan kandungan kerana ianya dibangunkan sebagai sebuah sistem *blogging*. Namun, WordPress telah pun berkembang dari semasa ke semasa sehingga kini ia dikenali sebagai sistem pengurusan kandungan yang paling popular digunakan di dunia. Pembangunan WordPress adalah berdasarkan kepada cabang b2/cafelog yang dibangunkan dalam bahasa pengaturcaraan PHP dan MySQL.

WordPress mula dibangunkan pada tahun 2003 di mana kerjasama di antara Matt Mullenweg dan Mike Little yang ingin menghasilkan perisian daripada cabang b2/cafelog. Christine Selleck Tremoulet iaitu rakan kepada Matt Mullenweg adalah individu yang bertanggungjawab mencadangkan nama WordPress kepada perisian yang mereka bangunkan.

Packt Best Open Source CMS Award



Hall Of Fame CMS Award



Open Source Web App of the Year



## Magento



Versi Terkini  
1.9.0.1

Drupal adalah sistem pengurusan kandungan bersumber terbuka yang lebih kepada sebuah kerangka kerja yang ditulis dalam bahasa pengaturcaraan PHP dan dilesenkan untuk edaran di bawah lesen *GNU General Public License* yang memberi maksud bahawa semua pengguna boleh memuat turun dan berkongsi Drupal secara percuma kepada orang lain. Walaupun penggunaan Drupal menawarkan antara muka pengaturcaraan yang canggih kepada pembangun namun tiada kemahiran dalam pengaturcaraan diperlukan untuk membangunkan laman sesawang yang asas.

Drupal ditulis dan dibangunkan oleh Dries Buytaert bermula pada tahun 1999 yang pada asalnya berfungsi sebagai papan mesej (*message board*). Perisian Drupal mula menjadi sumber terbuka pada tahun 2001 dan pada tahun yang sama juga *Drupal.org* mula berada di atas talian.

Magento adalah sistem pengurusan kandungan bersumber terbuka yang berdasarkan PHP dan MySQL untuk perkhidmatan *web hosting* yang dibina dengan menggunakan bahagian daripada *Zend Framework*. Selain itu, Magento juga amat dikenali sebagai sebuah aplikasi web bagi tujuan e-dagang yang dilancarkan pada 31 Mac 2008 dengan menggunakan nama Bento. Magento yang memulakan pembangunannya pada awal tahun 2007, kini dimiliki oleh syarikat eBay sejak 6 Jun 2011.

Magento menyediakan tiga platform yang mempunyai peranan yang berbeza iaitu Magento Community Edition, Magento Enterprise Edition dan Magento Go. Magento Community Edition adalah merupakan CMS bersumber terbuka yang dibangunkan dan disesuaikan untuk menyediakan platform asas e-Dagang kepada pengguna.

## TYPO3



Versi Terkini  
6.2.0

## Joomla!



Versi Terkini  
3.3.1

Joomla! adalah sistem pengurusan kandungan bersumber terbuka yang ditulis dalam bahasa pengaturcaraan PHP serta menggunakan kaedah pengaturcaraan berdasarkan objek. Data di dalam Joomla! pula boleh disimpan melalui pangkalan data MySQL, MS SQL atau PostgreSQL. Joomla dibangunkan oleh sebuah pasukan yang dipanggil The Joomla Project Team di mana perisian ini adalah hasil cabang daripada perisian Mambo.

Joomla! direkabentuk untuk mudah dipasang dan digunakan walaupun pengguna tidak mempunyai kemahiran teknikal yang baik. Joomla! juga dikenali sebagai CMS yang fokus kepada penerbitan kandungan laman sesawang. Sehingga Februari 2014, menurut *marketwired.com*, Joomla! telah dimuat turun lebih 50 juta kali oleh pengguna dunia.

Packt Publishing Open Souce CMS Award



Packt Publishing Open Souce CMS Award



Packt Publishing Open Souce CMS Award



TYPO3 adalah antara sistem pengurusan kandungan yang popular digunakan di dunia yang dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP oleh Kasper Skårhøj iaitu seorang pembangun daripada Denmark bermula pada tahun 1997. Namun beliau telah pun berhenti pada tahun 2007 daripada sebarang bentuk pembangunan TYPO3. TYPO3 lebih dikenali sebagai sebuah ECMS iaitu *Enterprise Content Management System* kerana ia digunakan untuk membina dan menguruskan laman sesawang dalam pelbagai jenis dan saiz.

Walaupun TYPO3 adalah sebuah CMS yang popular di dunia seperti WordPress dan Joomla!, tetapi TYPO3 lebih meluas di Eropah terutamanya kepada negara-negara yang berbahasa German.

Packt Best Overall Open Source CMS Award



Packt Best PHP Open Source CMS Award



Best Free CMS Critic's Choice Award



Best ECommerce Solution Critic's Choice Award



"Community" European CMS Award



"Development Environment" European CMS Award



"3rd Party Integration" European CMS Award



# PERBANDINGAN

## SISTEM PENGURUSAN KANDUNGAN POPULAR


	WordPress	Joomla!	Drupal	Magento	TYPO3
PEMBANGUN	Matt Mullenweg & Mike Little	The Joomla Project Team	Dries Buytaert	Magento Inc.	Kasper Skårhøj
PLATFORM	PHP				
PANGKALAN DATA	MySQL	MySQL, PostgreSQL, MS SQL, SQLite	MySQL, PostgreSQL, Oracle, SQLite, MS SQL	MySQL	MySQL, Oracle, PostgreSQL
SOKONGAN OS (Sistem Pengoperasian)	Windows/Linux/Mac OS X				
PELAYAN WEB	Apache, Nginx	Apache, Nginx, Microsoft IIS	Apache, Nginx, Microsoft IIS	Apache, Nginx	Apache, Nginx, Microsoft IIS
KELUARAN AWAL	27 Mei 2003	16 Sept 2005	15 Januari 2001	31 Ogos 2007	1998
PELAYAN WEB	GPL General Public License	GPL General Public License	OSL 3.0 Open Software License	GPL General Public License	GPL General Public License

Sumber: Wikipedia.org, www.joomla.org, www.drupal.org, wordpress.org, www.magento.com, typo3.org

## PLONE | CMS Terbaik Dalam Aspek Sekuriti

Plone adalah sejenis sistem pengurusan kandungan bersumber terbuka yang dapat menawarkan pesaing CMS yang lain seperti WordPress, Drupal dan Joomla dalam aspek sekuriti. Plone dibangunkan oleh Alexander Limi, Alan Runyan dan Vidar Andersen yang bermula pada tahun 1999 dan versi pertamanya dikeluarkan pada tahun 2001. Plone dihasilkan sebagai lapisan kebolehgunaan di atas Zope Content Management Framework dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan Python.

Teknologi yang digunakan Plone ini telah membantu ia mencapai rekod sekuriti yang terbaik di kalangan aplikasi CMS yang lain di mana menurut *National Vulnerability Database* di Amerika Syarikat, Plone mencatatkan kes keseleman terendah jika dibandingkan dengan WordPress mahupun Joomla!. Aspek keselamatan adalah merupakan salah satu faktor utama kepada pengguna CMS di mana untuk Plone, ia telah dapat menarik minat agensi-agensi besar untuk menggunakan seperti NASA, FBI, Nokia, eBay dan kerajaan Brazil serta New Zealand.



### SUMBER TERBUKA

### CMS VS

### PROPRIETARI

### KEBAIKAN

- Perisian adalah percuma di mana pengguna tidak perlu untuk mengeluarkan kos untuk menggunakan perisian
- Perisian sentiasa dikemaskini setiap masa oleh sokongan komuniti yang luas dan kuat serta lebih mudah untuk diubahsuai mengikut citara pengguna

### KEBURUKAN

- Kebarangkalian untuk menjadi sasaran pihak tertentu atau *spam* adalah sangat tinggi kerana perisian yang digunakan mempunyai ramai pengguna
  - Perisian mungkin mengakibatkan kos yang sangat tinggi sekiranya ia ingin diubahsuai mengikut kriteria pengguna
  - Ketersediaan kod sumber CMS membuka ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab untuk mencari ruang kelembahan perisian
- Kos yang tinggi terutamanya kos perlesenan perisian yang dikenakan kepada pengguna dan juga wujud kos untuk pemasangan perisian
  - Pengguna terpaksa bergantung kepada pembangun perisian untuk setiap penambahbaikan dan ciri-ciri baru kepada CMS
  - Setiap perkhidmatan sokongan yang ditawarkan oleh pembangun melibatkan kos dengan kadar mengikuti kehendak pembangun


Sumber: www.bloomtools.com, cypressnorth.com, s2ndesign.com, www.jhpblog.com

## MAKLUMAT STATISTIK KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA NEGERI MELAKA SUKE KE-1, 2014




Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Malaysian Communications and Multimedia Commission


### KADAR PENEMBUSAN JALUR LEBAR



### BILANGAN LOKASI HOTSPOT



### KADAR PENEMBUSAN TALIAN IBU SAWAT TERUS PER 100 ISI RUMAH



### CAPAIAN KOMUNITI NEGERI MELAKA




**171** KAMPUNG  
TANPA WAYAR  
1MALAYSIA



Sumber: Wikipedia.org, ma.tt

## PENGASAS BERSAMA WORDPRESS

dihubungi oleh Mike Little iaitu seorang pembangun laman sesawang dengan meninggalkan komen yang pertama di blog Matt Mullenweg menyatakan sekiranya Matt Mullenweg benar-benar serius untuk menghasilkan cabang perisian b2/cafelog, beliau berminat untuk bekerjasama. Kedua-dua mereka akhirnya bersama-sama membangunkan WordPress yang akhirnya dapat dikeluarkan versi pertamanya pada 27 Mei 2003. Pada ketika itu, Matt Mullenweg baru berusia 19 tahun dan sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Houston.



Mike Little

### PENGENALAN

Matt Mullenweg atau nama penuhnya Matthew Charles Mullenweg adalah seorang usahawan, pembangun laman sesawang dan ahli muzik yang tinggal di San Francisco, California. Beliau yang lahir pada 11 Januari 1984 lebih dikenali sebagai individu yang bertanggungjawab membangun dan mengasaskan WordPress bersama rakannya Mike Little iaitu sistem pengurusan kandungan bersumber terbuka yang popular digunakan sebagai medium penerbitan di laman sesawang. Beliau pernah melanjutkan pelajaran di Universiti Houston dalam bidang Sains Politik namun pada tahun 2004 beliau tidak lagi meneruskan pengajian di Universiti berkenaan kerana menerima tawaran kerja di CNET Networks.

### WORDPRESS

Segalanya bermula daripada sebuah perisian blog iaitu b2/cafelog di mana perisian ini digunakan oleh Matt Mullenweg pada Jun 2002 untuk melengkapkan gambar yang diambil oleh beliau semasa perjalanan ke Washington DC ketika itu. Namun, pada bulan Januari 2003 iaitu selepas beberapa bulan pembangunan b2/cafelog diberhentikan, beliau telah menyampaikan hasrat di dalam blog beliau dengan tajuk "*The Blogging Software Dilemma*" untuk membangunkan sebuah perisian penerbitan atas talian sebagai salah satu cara untuk menyokong perkembangan blog beliau. Pada mulanya beliau memilih Textpattern iaitu sebuah perisian CMS namun disebabkan Textpattern ketika itu tidak dilesenkan di bawah suatu lesen yang menepati prinsip Matt Mullenweg, beliau telah memilih perisian b2/cafelog yang dilesenkan di bawah lesen *GNU General Public License (GPL)* di mana Matt Mullenweg dapat menggunakan kod pembangunan b2/cafelog untuk menghasilkan cabangnya yang kini dikenali sebagai WordPress.

Ketika Matt Mullenweg menulis di blog beliau menyampaikan hasrat untuk menghasilkan sebuah perisian bercabangkan daripada perisian b2/cafelog, beliau

### KERJAYA

Selepas membangunkan WordPress, beliau menerima tawaran kerja di CNET Network pada bulan Oktober 2004 untuk menyediakan WordPress dan membantu mereka melalui blog. Sehubungan itu, beliau telah menghasilkan sebuah perisian yang dipanggil bbPress yang mirip kepada WordPress namun ia lebih kepada pengurusan sebuah forum. Setahun selepas itu, beliau telah meninggalkan kerjanya di CNET untuk memberikan tumpuan kepada WordPress dan seterusnya menuju sebuah organisasi yang dipanggil Automattic yang bertanggungjawab di sebalik kejayaan laman sesawang antaranya WordPress.com, Akismet, Gravatar dan Polldaddy. Selain itu, beliau juga mengasaskan sebuah syarikat yang dipanggil Audrey Capital iaitu sebuah syarikat pelaburan dan penyelidikan yang membantu mengembangkan idea-idea yang inovatif.

### PENGiktirafan

- Mac 2007 - Diktiraf sebagai individu ke-16 daripada 50 terpenting dalam web oleh PC World
- Sept 2008 - Disenaraikan oleh Business Week sebagai 25 Individu Paling Berpengaruh di Web
- Dis 2010 - Pemenang Anugerah TechFellow untuk kategori Rekabentuk Produk dan Pemasaran
- Jan 2011 - Disenaraikan oleh Business Insider di kedudukan ke-3 daripada 30 Orang Pengasas yang berumur bawah 30 tahun

## XIAOMI TAMBAH KOLEKSI POWER BANK BARU



Dual Battery Cell Technology  
From LG and Samsung

5200mAh | RM 25

[www.mi.com/my](http://www.mi.com/my)

## APPLE KEMASKINI HARGA iPod TOUCH

Sumber: [store.apple.com/my](http://store.apple.com/my)



iPod Touch merupakan satu produk pemain media keluaran syarikat Apple yang telah dikemaskini harga semasanya di mana harganya mengalami penurunan bagi variasi 32GB dan 64GB. Selain menerima penurunan harga, satu lagi beri baik buat pengguna di negara Malaysia adalah iPod Touch generasi kelima untuk kapasiti 16GB telah mula ditawarkan buat pasaran di negara ini.

16GB  
RM729

32GB  
RM899

64GB  
RM1079

Nama Xiaomi mula mendapat perhatian pengguna di negara ini kerana sering menawarkan produk mereka pada harga yang berpatutan terutamanya bagi produk telefon pintar mereka. Penggunaan telefon pintar pula tidak lengkap sekiranya tidak memiliki aksesori seperti Power Bank yang mampu memanjangkan hayat penggunaan sesuatu telefon pintar itu.

Xiaomi sebelum ini telah menawarkan produk Power Bank mereka yang dikenali sebagai Mi Power Bank berkapasiti 10400mAh dengan harga RM 36 sahaja. Permintaan pengguna yang begitu memberansangkan terhadap produk Power Bank mereka telah menyebabkan pihak Xiaomi memperkenalkan Mi Power Bank berkapasiti 5200mAh dengan harga yang ditawarkan sangat berpatutan jika ingin dibandingkan dengan pengeluar lain iaitu hanya RM 25 bagi satu unit.

Sumber: [www.mi.com/my](http://www.mi.com/my)

## GOOGLE PERKENAL CHROME VERSI 64-BIT UNTUK WINDOWS

Sumber: [blog.chromium.org](http://blog.chromium.org)



Google pada 3 Jun 2014 secara rasminya mengumumkan bahawa pihak mereka telah menambah sokongan 64-bit kepada pelayar sesawang Chrome buat pengguna Windows 7 dan Windows 8. Penambahan sokongan 64-bit ini dapat memberikan pengguna pengalaman melayari laman sesawang yang lebih cepat dan selamat.

Dengan pengumuman yang dilakukan, pihak Google amat menekankan kepada tiga faktor utama yang mengalami penambahbaikan iaitu **kelajuan**, **keselamatan** dan **kestabilan**. Dari segi kelajuan, sokongan 64-bit dapat meningkatkan prestasi kelajuan sebanyak 25% manakala dari sudut keselamatan pula, sokongan 64-bit mampu bertahan daripada teknik eksloitasi seperti *JIT spraying*. Bagi faktor kestabilan, sokongan 64-bit adalah lebih stabil daripada sokongan 32-bit terutamanya bagi kadar *crash* semasa memproses kandungan laman sesawang.

Sumber: [support.twitter.com](http://support.twitter.com)

## TWITTER : FUNGSI "MUTE"

Twitter telah memperkenalkan satu ciri baru yang pasti akan digemari oleh pengguna yang tidak mahu mereka diganggu oleh *tweet* ataupun pengguna lain. Ciri baru ini dikenali sebagai **MUTE**. **Mute** adalah satu ciri yang membolehkan pengguna menyembunyikan *tweet* pengguna lain daripada *timeline* pengguna. Apabila pengguna mengenakan *mute* kepada pengguna lain, kandungan pengguna yang telah 'dibisukan' tidak lagi akan kelihatan pada paparan dan pengguna tidak lagi menerima *push* atau notifikasi SMS daripada pengguna yang telah 'dibisukan'.

Apa yang perlu anda tahu mengenai fungsi *Mute* ini:



- Pengguna yang telah 'dibisukan' masih boleh mengikuti dan berinteraksi dengan kandungan anda
- Anda boleh mengikuti pengguna yang telah 'dibisukan'. Mengenakan *mute* kepada pengguna lain tidak menyebabkan anda *unfollow* mereka
- @ *replies* dan @ *mentions* daripada pengguna 'bisu' masih akan tampil di tab notifikasi anda
- Pengguna 'bisu' masih dapat menghantar mesej secara terus kepada anda (*direct message*)
- Apabila anda mengenakan *mute* kepada pengguna lain, *tweets* mereka yang terdahulu masih dipaparkan, hanya *tweets* mereka daripada mula 'dibisukan' akan disembunyi

## BAGAIMANA CARANYA?

### MENERUSI LAMAN SESAWANG


Melalui Tweet :

1. Klik **More** di bahagian bawah *Tweet* pengguna yang ingin 'dibisukan'.
2. Klik pilihan **Mute**.



Kotak pengesahan Mute

### MENERUSI TELEFON PINTAR/TABLET



Cara Mute melalui iOS



Cara Mute melalui Android

### CARA UNTUK UNMUTE PENGGUNA

1. Pergi kepada laman profil pengguna yang 'dibisukan'
2. Klik pada ikon **red mute** untuk *unmute* pengguna

# PROGRAM

# PROGRAM



## PROGRAM / KURSUS ICT

Sektor K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus buat rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka

### PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS ICT BULAN JUN 2014

Latihan Pembangunan Animasi 2D: Adobe Flash	3hb Jun 2014	Mini RTC Sungai Siput Alor Gajah
Latihan Pembangunan Animasi 3D: Google SketchUp	4hb Jun 2014	Mini RTC Sungai Siput Alor Gajah
Latihan Suntingan Video: Corel VideoStudio X4	5hb Jun 2014	Mini RTC Sungai Siput Alor Gajah
Latihan Asas Komputer dan Internet Wanita UMNO Ayer Keroh	8hb Jun 2014	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi
Latihan Suntingan Video: Corel VideoStudio X4	9hb Jun 2014	Balairaya JKJKK Tanjung Kling
Latihan Pembangunan Animasi 2D: Adobe Flash	10hb Jun 2014	Mini RTC Tehel
Latihan Pembangunan Animasi 3D: Google SketchUp	11hb Jun 2014	Mini RTC Tehel
Latihan Suntingan Video: Corel VideoStudio X4	12hb Jun 2014	Mini RTC Tehel
Latihan Pembangunan Adobe Flash: SMK Iskandar Shah	21hb Jun 2014	Makmal Komputer SMK Iskandar Shah
Latihan Pembangunan Google SketchUp: SMK Iskandar Shah	21hb Jun 2014	Makmal Komputer SMK Iskandar Shah
Latihan Pembangunan Corel VideoStudio X4: SMK Iskandar Shah	22hb Jun 2014	Makmal Komputer SMK Iskandar Shah

\* Semua jenis program/kursus ICT yang dianjurkan oleh Sektor K-Ekonomi adalah PERCUMA



Bengkel Google SketchUp @ Mini RTC Sg. Siput  
4hb Jun 2014



Program eMelaka Wanita UMNO Ayer Keroh  
8hb Jun 2014



Latihan Suntingan Video @ JKJKK Tanjung Kling  
9hb Jun 2014



Program Cuti Sekolah - Corel VideoStudio X4  
12hb Jun 2014



Latihan Google SketchUp @ SMK Iskandar Shah  
21hb Jun 2014



Seminar Pengurusan Kewangan POWER!  
26hb Jun 2014

# SISTEM PENGURUSAN KANDUNGAN PERCUMA YANG POPULAR



*Alfresco*  
[www.alfresco.com](http://www.alfresco.com)



*CMS Made Simple*  
[www.cmsmadesimple.org](http://www.cmsmadesimple.org)



*concrete5*  
[concrete5.org](http://concrete5.org)



*Contao*  
[contao.org](http://contao.org)



*Dotcms*  
[dotcms.com](http://dotcms.com)



*DotNetNuke*  
[www.dnnsoftware.com](http://www.dnnsoftware.com)



*Drupal*  
[www.drupal.org](http://www.drupal.org)



*eZ Publish*  
[ez.no](http://ez.no)



*Joomla!*  
[www.joomla.org](http://www.joomla.org)



*MODX*  
[modx.com](http://modx.com)



*Plone*  
[plone.org](http://plone.org)



*Radiant*  
[radiantcms.org](http://radiantcms.org)



*SilverStripe*  
[www.silverstripe.org](http://www.silverstripe.org)



*Textpattern*  
[textpattern.com](http://textpattern.com)



*Umbraco*  
[umbraco.com](http://umbraco.com)



*WordPress*  
[wordpress.org](http://wordpress.org)




*Magento*  
[www.magento.com](http://www.magento.com)



*OpenCMs*  
[www.opencms.org](http://www.opencms.org)



*TYPO3*  
[typo3.org](http://typo3.org)



*XOOPS*  
[www.xoops.org](http://www.xoops.org)